

# Mangsa banjir Kemaman menurun

Oleh MANIRAH OTHMAN  
dan SAPEE MAT JUNUS  
manirah.othman@kosmo.com.my

**KUALA TERENGGANU** - Jumlah mangsa banjir di daerah Kemaman semakin berkurangan apabila hanya 339 orang daripada 91 keluarga ditempatkan di sembilan pusat pemindahan sehingga petang semalam.

Jumlah itu berkurangan berbanding kelmarin di mana seramai kira-kira 700 orang dipindahkan ekoran hujan lebat dan kejadian air laut pasang besar.

Kenyataan kerajaan negeri melalui laman web [etindakan.terengganu.gov.my](http://etindakan.terengganu.gov.my) menyebut, satu daripada 10 pusat pemindahan di-

**Kemaman dilanda banjir,  
700 mangsa dipindah**

**KERATAN Kosmo!** semalam.

tutup apabila mangsa-mangsa banjir dibenarkan pulang ke rumah masing-masing kerana air telah surut.

Sehingga pukul 6 petang, 38 orang ditempatkan di balai raya dan Masjid Kampung Padang Kemunting dan 82 di Sekolah Kebangsaan Kemasik.

Selain itu, seramai 23 orang ditempatkan di Pusat Sumber Kampung Chabang, Sekolah Kebangsaan Pengkalan Ranggon (5), Balai raya Kampung Gong Cengal (90), Dewan Orang Ramai Kampung Ba-

ru Kerteh (56), Balai raya Kampung Batu 9 (12), Balai raya Kampung Bukit Teruna (15) dan Balai raya Kampung Bukit Kukuran 18 orang.

Dalam pada itu, Jalan Pekan Kerteh ke Batu Putih dan Lapangan Terbang Kerteh masih ditutup kepada kenderaan ringan kerana dinaiki air satu meter.

Bagaimanapun jalan di Kilometer 116 Kuala Terengganu-Kuantan yang ditutup kepada kenderaan ringan kelmarin dibuka semula.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Supritendan Abdullah Sani Salat berkata, terdapat kejadian jalan mendap di Kilometer 115 jalan sama dan polis menutup sebahagian laluan bagi mengelak kejadian tidak diingini.



**AHLI Dewan Undangan Negeri Kemasik, Ir. Rosli Othman (tiga dari kanan) meninjau jalan runtuh akibat banjir di Jalan Kuala Terengganu-Kuantan di Kemaman semalam.**